

**Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)**  
**Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya**  
**(OKU) Masalah Pembelajaran Di Malaysia**  
**(Pandemic COVID-19: Challenges of Teaching and Learning (PdP) Islamic**  
**Education in Special Education for Students with Learning Disabilities in**  
**Malaysia)**

Azman Ab Rahman  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia  
azman@usim.edu.my

Syed Salim Syed Shamsuddin  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia  
syedsalim@usim.edu.my

Nurul Nadia Nozlan  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia  
nunadianurul@gmail.com

Muhd. Faiz Abd. Shakor  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia  
faizshakorkisas@gmail.com

Afaf Sukari  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia  
afafsukari97@gmail.com

### Abstrak

Negara telah digemparkan dengan satu wabak yang dinamakan sebagai Novel Coronavirus (2019-nCoV) atau dikenali juga sebagai COVID-19. Bencana wabak COVID-19 ini telah memberi implikasi yang besar kepada masyarakat di seluruh dunia secara umumnya dan Malaysia secara khususnya. Hal ini telah menyebabkan pelbagai sektor turut terkesan dengan penularan wabak COVID-19 tersebut termasuklah institusi Pendidikan di Malaysia. Perkara ini turut memberi kebimbangan kepada para guru Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas kerana proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas bersama pelajar Kurang Upaya Masalah Pembelajaran (OKU MP) perlu dilaksanakan secara atas talian. Justeru, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kaedah PdP yang digunakan oleh para guru Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas dan cabaran yang dihadapi sewaktu menjalankan PdP bersama para pelajar OKU MP sewaktu COVID-19. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan soal selidik dan dokumentasi dalam mengumpulkan data bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah mengenal pasti teknik tertentu dan bersesuaian sebelum memulakan PdP bersama OKU MP merupakan kaedah utama dalam PdP Pendidikan Islam sewaktu COVID-19. Cabaran utama dalam PdP Pendidikan Islam pelajar OKU MP adalah isu berkaitan kemudahan teknologi selain isu komitmen pelajar dan ibu bapa, kemahiran dan kepakaran guru serta kekurangan Bahan Bantu Mengajar (BBM) sepanjang meneruskan PdP secara atas talian disebabkan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat membantu para guru dan pelajar OKU MP dalam mendepani cabaran yang dihadapi bagi meneruskan PdP Pendidikan Islam sewaktu COVID-19 serta menjadi rujukan kepada institusi pendidikan dalam menambah baik proses PdP bagi pelajar OKU di Malaysia secara umumnya.

Article Progress  
Received: 15 April 2021  
Revised: 29 April 2021  
Accepted: 13 May 2021

**Kata Kunci:** Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Pendidikan Islam, Pendidikan Khas, Masalah Pembelajaran, COVID-19

### Abstract

Novel Coronavirus (2019-nCoV), also known as COVID-19, has surprised the country worldwide. The COVID-19 pandemic has had significant implications for communities around the world in general and Malaysia in particular. COVID-19 has caused various sectors to be affected by the spread of the COVID-19 pandemic, including educational institutions in Malaysia. This matter also concerns Islamic Education teachers in Special Education because the Teaching and Learning process (PdP) of Islamic Education with students with learning disabilities (OKU MP) had to be implemented online. Thus, the study's objective is to identify the PdP method used by teachers of Islamic Education in Special Education and the challenges faced when conducting PdP with OKU MP during COVID-19. This study uses a qualitative method by using a questionnaire approach and documentation to collect data for the study objectives. The study found that identifying specific and appropriate techniques before starting the PdP with students with learning disabilities is the primary method in the PdP of Islamic Education during COVID-19. The main challenges in the PdP of Islamic Education for OKU MP students are issues related to technological facilities as well as matters of commitment of students and parents, skills and expertise of teachers as well as the lack of Supported Learning Material (BBM) while continuing the PdP online due to the implementation of Movement Control Order (MCO) by the Malaysian government. Researchers hoped that this study could help teachers and OKU MP face the challenges to continue the PdP of Islamic Education during COVID-19 and reference educational institutions in improving the PdP process for OKU students in Malaysia in general.

**Keywords:** Teaching and Learning (PdP), Islamic Education, Special Education, Students with Learning Disabilities, COVID-19

## 1. PENGENALAN

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan semenjak Fasa 1 oleh kerajaan Malaysia pada 18 Mac 2020 yang lalu sehingga kini telah menyebabkan pelbagai sektor ekonomi mahupun pendidikan terjejas dan tidak dapat beroperasi seperti biasa. PKP yang telah dilaksanakan itu telah memberikan implikasi terhadap penutupan institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti demi membendung penularan wabak Coronavirus (COVID-19) daripada terus menular dalam kalangan masyarakat sehingga akhirnya mampu menjangkiti mereka. Hal ini tidak terkecuali terhadap institusi Pendidikan Khas di Malaysia bahkan, para pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) serta para guru Pendidikan Khas dalam Pendidikan Khas pasti lebih terkesan akan arahan penutupan sekolah tersebut dan melalui pelbagai rintangan dalam meneruskan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sewaktu COVID-19.

Meskipun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi Surat Siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2020 ada mengeluarkan garis panduan PdP semasa PKP, ia dilihat terlalu umum tanpa membezakan antara kaedah PdP persekolahan bagi pelajar normal dan pelajar berkeperluan khas. Siaran ini perlu dibaca secara bersama-sama dengan Surat Siaran KPM Bilangan 8 Tahun 2016: Garis Panduan Pengurusan dan Pembelajaran Akibat Bencana bertarikh 21 Julai 2016. Maka, timbul persoalan tentang kaedah PdP bagi Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas sewaktu COVID-19 terhadap pelajar OKU MP dan cabaran yang dihadapi oleh para guru serta pelajar OKU MP sewaktu menjalani sesi PdP di dalam tempoh PKP disebabkan COVID-19 ini. Justeru, kajian ini akan membincangkan serta mengenal pasti kaedah PdP yang telah digunakan oleh guru Pendidikan Islam sewaktu menjalani PdP Pendidikan Islam bersama pelajar OKU MP sebagai usaha untuk meneruskan proses PdP dalam tempoh PKP disebabkan oleh COVID-19.

## 2. METODOLOGI

Reka bentuk kajian adalah satu pelan tindakan yang memperlihatkan bagaimana sesuatu kajian dijalankan. Reka bentuk kajian menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengumpul dan menganalisis data terhadap penyelidikan yang dijalankan. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berasaskan pendekatan kualitatif. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah soal selidik dan dokumentasi untuk mendapatkan data primer dan sekunder berkaitan objektif kajian. Data primer diperoleh daripada soal selidik yang dijalankan secara atas talian bersama 17 orang guru Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas yang mengajar pelajar OKU Masalah Pembelajaran. Soal selidik dilakukan bagi mendapatkan data berkaitan pandangan para guru tentang cabaran yang dihadapi mereka dalam meneruskan PdP Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas bersama pelajar OKU MP sewaktu COVID-19. Data sekunder diperolehi dengan menggunakan kaedah dokumentasi melibatkan kajian analisis kandungan terhadap bahan-bahan bercetak seperti jurnal, prosiding, laman web dan sebagainya. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan gambaran yang lebih mendalam terhadap kajian yang ingin dijalankan.

## 3. DEFINISI DAN KATEGORI ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Pelbagai definisi telah diberikan bagi merujuk kepada golongan OKU di Malaysia. Secara umumnya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan OKU sebagai seseorang yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan hidup sosialnya, sebagai seorang individu yang normal, akibat daripada kekurangan keadaan fizikal atau mental (WHO, 2020). OKU juga ditakrifkan sebagai orang yang mengalami keterbatasan mobilisasi (pergerakan) sama ada fizikal (anggota), mental (ringan, sederhana ataupun berat), penglihatan dan pendengaran (Sulaiman, 2008). Pandangan lain yang turut diutarakan tentang definisi OKU adalah sebuah kelompok atau golongan individu yang mempunyai perbezaan dari segi ciri-ciri neurologi, keupayaan deria, keupayaan berkomunikasi, tingkahlaku dan emosi serta ciri-ciri fizikal (Wan Sabri Wan Husin, 2013). Melalui definisi-definisi yang diberikan, dapatlah disimpulkan bahawa golongan OKU merupakan seseorang individu yang mempunyai ketidakupayaan tertentu, seperti ketidakupayaan fizikal, masalah penglihatan dan pendengaran pada diri mereka. Hal ini telah menyebabkan keterbatasan tertentu yang dapat menghalang mereka untuk menjalankan kehidupan secara normal dan memerlukan bantuan daripada orang lain dalam perkara-perkara tertentu.

Perbahasan mengenai OKU tidak hanya menyentuh kepada definisi OKU sahaja. Malahan, penggunaan istilah atau terma OKU itu sendiri. Masyarakat memahami terma OKU itu dengan maksud kefahaman ‘Orang Kurang Upaya’ dan ‘Orang Kelainan Upaya’. Walau bagaimanapun, melalui definisi yang telah diberikan, terma OKU di sini merujuk kepada ‘Orang Kelainan Upaya’. Hal ini kerana terma ini dilihat dan kedengaran lebih sesuai dan positif untuk diterima pakai bagi merujuk kepada golongan OKU. Bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak ada memberikan komen mengenai hal tersebut (Abdullah, 2020). Beliau berpendapat bahawa golongan OKU ini harus dilihat dengan cara yang betul kerana yang berbeza bukanlah dari segi fizikal, tetapi keupayaannya disebabkan oleh sesuatu atas sebab semula jadi atau kejadian yang tidak diingini. Bahkan, terma orang cacat mahupun ‘Orang Kurang Upaya’ mengundang ketidakselesaan golongan ini kerana terma tersebut menggambarkan sesuatu yang negatif sedangkan terdapat golongan OKU yang memiliki keupayaan yang istimewa berbanding golongan tipikal atau normal.

Selain itu, OKU juga diklasifikasikan kepada beberapa kategori mengikut jenis ketidakupayaan yang dihadapi oleh OKU tersebut. Di Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengklasifikasikan golongan OKU kepada 7 golongan seperti berikut (JKM, 2016): -

Jadual 1: Kategori Orang Kurang Upaya (OKU)

NO.	KATEGORI	PENERANGAN
1.	Kurang Upaya Pendengaran	Tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran.
2.	Kurang Upaya Penglihatan	Tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh.
3.	Kurang Upaya Fizikal	Ketidakupayaan anggota badan sama ada kehilangan atau tiada suatu anggota atau ketidakupayaan di mana-mana bahagian badan yang mengalami keadaan seperti hemiplegia, paraplegia dan kelemahan otot-otot yang mengakibatkan mereka tidak dapat melakukan aktiviti asas seperti penjagaan diri, pergerakan dan pertukaran posisi tubuh badan.
4.	Kurang Upaya Pertuturan	Tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya. Keadaan ini akan kekal atau tidak akan sembah.
5.	Masalah Pembelajaran	Masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikal. Mereka tergolong dalam kategori ini adalah lewat perkembangan global, Sindrom Down, dan kurang upaya intelektual. Kategori ini juga merangkumi keadaan yang menjejaskan kemampuan pembelajaran individu seperti <i>Autisme</i> , <i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)</i> dan masalah pembelajaran spesifik seperti <i>Dyslexia</i> , <i>Dyscalculia</i> dan <i>Dysgraphia</i> .
6.	Kurang Upaya Mental	Keadaan penyakit mental yang teruk yang telah diberi rawatan atau telah diberi diagnosis selama sekurang-kurangnya dua (2) tahun oleh Pakar Psikiatri. Akibat daripada penyakit yang dialami dan telah menjalani rawatan psikiatri, mereka masih tidak berupaya untuk berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat. Antara jenis penyakit mental tersebut ialah <i>Skizofrenia</i> , <i>Paranoid</i> dan <i>Mood Disorder (depression, bipolar)</i> .
7.	Kurang Upaya Pelbagai	Mempunyai lebih daripada satu (1) jenis ketidakupayaan dan secara umumnya tidak sesuai diklasifikasikan dalam kategori satu hingga enam (6).

Sumber: Laman Web Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM, 2016)

#### 4. PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENDIDIKAN KHAS BAGI PELAJAR ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan subjek yang diwajibkan kepada pelajar yang beragama Islam menurut sistem Pendidikan di Malaysia dan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) seksyen 50 (Hamdi Bin Ishak, 2012). Seksyen tersebut telah menetapkan bahawa jika dalam sesuatu institusi Pendidikan terdapat lima orang atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid tersebut hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Hal ini tidak terkecuali kepada pelajar normal sahaja, bahkan kepada para pelajar berkeperluan khas juga. Para pelajar OKU ini akan mengambil Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas dan sukanan pembelajaran mereka adalah menurut apa yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah program Pendidikan Khas.

Menurut Buku Data Pendidikan Khas 2020, sebanyak 93,951 orang pelajar OKU telah berdaftar sebagai pelajar berkeperluan khas di Sekolah Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi dan Program Pendidikan Inklusif. Daripada jumlah tersebut, seramai 77,205 orang pelajar OKU adalah dalam kalangan Masalah Pembelajaran. Bahkan, bilangan tersebut kian meningkat tahun demi tahun bermula dari tahun 2016 (61,211), 2017 (63,615), 2018 (67,537), dan 2019 (72,010) sehingga ke tahun 2020.

Jadual 2: Bilangan Pelajar OKU Mengikut Kategori Tahun 2020

Jenis Pelajar OKU	Jumlah
Kurang Upaya Penglihatan	2,651
Kurang Upaya Pendengaran	3,829
Kurang Upaya Pertuturan	690
Kurang Upaya Fizikal	6,921
Masalah Pembelajaran	77,205
Kurang Upaya Pelbagai	2,655
Jumlah	93,951

Sumber: Buku Data Pendidikan Khas 2020 (KPM, 2020)

Jadual 3: Bilangan Pelajar OKU Masalah Pembelajaran Mengikut Tahun

Tahun	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah	61,211	63,615	67,537	72,010	77,205

Sumber: Buku Data Pendidikan Khas 2020 (KPM, 2020)

Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas di Malaysia telah diperkasakan oleh KPM dan penambahbaikan telah dilakukan dari semasa ke semasa. Penubuhan Sekolah Pendidikan Khas juga dibangunkan bagi menempatkan para pelajar berkeperluan khas di setiap peringkat pengajian. Sekolah ini juga ditadbir secara terus oleh Bahagian Pendidikan Khas. Malahan, program J-QAF bagi pelajar Pendidikan Khas merupakan salah satu usaha untuk memperkasakan pembelajaran Pendidikan Islam bagi pelajar berkeperluan khas dengan menekankan PdP bagi pelajar Kurang Upaya Penglihatan, Pendengaran dan Masalah Pembelajaran (KPM, 2019). Bagi pelajar Masalah Pembelajaran, penekanan khas telah diberikan dalam PdP al-Quran menggunakan Modul Kaedah Iqra' dan PdP Fardhu Ain dengan menggunakan Modul Amali Solat. Seterusnya, bagi pelajar Kurang Upaya Pendengaran, program J-QAF ini diberikan perhatian khusus pada PdP al-Quran menggunakan Modul Kaedah Iqra', PdP Fardhu Ain menggunakan Modul Amali Solat dan PdP Jawi menggunakan Modul Pembelajaran Jawi. Manakala, pelajar Kurang Upaya Penglihatan akan menggunakan kesemua modul J-QAF aliran utama yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah.

Wabak pandemik COVID-19 telah menyebabkan para guru dan pelajar OKU MP turut terkesan dengan penutupan sekolah berkuatkuasa arahan PKP yang dilaksanakan oleh kerajaan. Maka, PdP Pendidikan Islam tidak dapat dijalankan melalui kaedah biasa (secara bersemuka) yang digunakan oleh para guru dan proses PdP harus dilaksanakan serta diteruskan secara kaedah pembelajaran atas talian. KPM telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang memberi tumpuan pada Pembelajaran Abad ke-21 serta idea berkaitan peranan guru sebagai pemudahcara (Azman Ab Rahman, Nurul Nadia, Muhammad Firdaus, Hussein 'Azeemi dan Mohamad Anwar, 2020a). Meskipun kaedah PAK-21 banyak membantu para guru dalam melaksanakan kaedah PdP, namun terdapat cabaran yang menghalang para guru dalam menjalankan kaedah PdP Pendidikan Islam terhadap pelajar OKU MP sewaktu COVID-19.

## 5. MAKLUMAT DEMOGRAFI PESERTA KAJIAN (PK)

Berikut merupakan maklumat demografi yang diperolehi melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada peserta kajian:

Jadual 4: Maklumat Demografi Peserta Kajian (PK)

No.	Sekolah
PK1	SMK Apin-Apin, Keningau, Sabah
PK2	SMK Bandar T6, Kluang, Johor
PK3	SMK Simpang Rengam, Johor
PK4	SK Iskandar Perdana, Perak
PK5	SK Cheras Jaya, Selangor
PK6	SMK Cheras Jaya, Selangor
PK7	SK Jeli 1, Kelantan
PK8	SMK Cheras Jaya, Selangor
PK9	SMK Malim Nawar, Perak
PK10	SK Bukit Rahmat, Johor
PK11	SK Seri Merlong, Johor
PK12	SK Parit Raja, Johor
PK13	SMK Sentosa, Kampar, Perak
PK14	Yayasan Faqeh, Negeri Sembilan
PK15	Yayasan Faqeh, Negeri Sembilan
PK16	Yayasan Faqeh, Negeri Sembilan
PK17	Yayasan Faqeh, Negeri Sembilan

Sumber: Hasil Kajian daripada Soal Selidik

Berdasarkan jadual 4 di atas, hasil kajian mendapati bahawa seramai 17 orang peserta kajian (PK) telah menjawab soal selidik tersebut. Mereka terdiri daripada para guru Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas yang mengajar para pelajar OKU MP di institusi Pendidikan kerajaan maupun swasta. Kajian soal selidik ini dilakukan pada tarikh 23 November 2020 hingga 30 November 2020, iaitu selama seminggu. Hasil kajian juga mendapati bahawa peserta kajian terdiri daripada pelbagai latar belakang tempat Pendidikan seperti Sekolah Rendah, Sekolah Menengah Kebangsaan dan Yayasan. Objektif kajian dan soal selidik ini diedarkan adalah untuk mendapatkan respons para guru Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas terhadap cabaran yang dihadapi oleh mereka sewaktu meneruskan PdP Pendidikan Islam bersama para pelajar OKU MP sewaktu COVID-19. Secara kesimpulan, pengkaji telah memperoleh maklumat yang mencukupi dan bermakna dalam mengulas kajian yang dilakukan melalui soalan berstruktur dan separa berstruktur serta pendapat yang diberikan oleh peserta kajian.

## 6. KAEADAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) PENDIDIKAN ISLAM BAGI PELAJAR OKU MASALAH PEMBELAJARAN SEWAKTU COVID-19

Pandemik COVID-19 telah menjadikan corak PdP di semua institusi Pendidikan telah berubah. Oleh itu, proses PdP tidak dapat dijalankan seperti biasa iaitu secara bersemuka dan kaedah PdP secara atas talian perlu dijalankan bagi meneruskan proses PdP sewaktu COVID-19. Pihak KPM telah menyarankan ke semua institusi Pendidikan untuk menjalankan PdP secara atas talian kerana ia mampu menghalang penularan wabak COVID-19 dalam kalangan guru dan pelajar di samping menjaga keselamatan semua pihak. KPM juga telah mengeluarkan garis panduan terhadap kaedah PdP yang perlu dijalankan oleh para pendidik dan pelajar sewaktu tempoh PKP dengan melakukan kaedah pembelajaran secara atas talian dan menerapkan atau mengaplikasikan penggunaan platform serta medium *Information and Communications Technology (ICT)* sebagai pengantaraan pembelajaran (Azman Ab Rahman, Nurul Nadia, Muhammad Firdaus, Hussein ‘Azeemi dan Mohamad Anwar, 2020b).

Integrasi teknologi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPC) memainkan peranan yang sangat penting dalam menambah baik teknik PdP dan salah satu kaedah Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21). Menerusi soal selidik yang telah dijalankan, terdapat kaedah tertentu bagi menjalankan PdP Pendidikan Islam bersama para pelajar OKU Masalah Pembelajaran. Para peserta kajian berpendapat bahawa kaedah PdP Pendidikan Islam bagi pelajar OKU MP memerlukan teknik tertentu dan bersesuaian (PK 4, PK5, PK6, PK9, PK10, PK13 dan PK15). Ia bagi memastikan proses PdP berjalan dengan lancar dan para pelajar mampu untuk menerima serta memahami ilmu yang dipelajari dengan mudah.

Selain itu, kebanyakan PK berpendapat bahawa PdP yang dijalankan juga mestilah selari dengan tahap kefahaman dan kebolehan para pelajar (PK1, PK3, PK6, PK7, PK11, PK15). Hal ini kerana terdapat pelbagai jenis pelajar OKU MP seperti *Autisme*, *ADHD* dan *Sindrom Down*. Maka, para guru akan menentukan terlebih dahulu kaedah yang bersesuaian dengan kemampuan mereka sebelum menjalankan pembelajaran secara atas talian. Para guru harus menjadi lebih kreatif dan inovatif bagi menarik perhatian serta fokus para pelajar. Para guru juga akan memberikan latihan secara atas talian dengan mengklasifikasikan tahap soalan tersebut mengikut aras iaitu aras rendah dan serderhana (PK2, PK 3, PK5, PK7, PK8, dan PK 12). Antara contoh latihan yang diberikan adalah dengan menyediakan soalan betul atau salah dan medium yang digunakan adalah seperti menerusi aplikasi *Telegram* dan permainan *Kahoot!* serta dijawab secara atas talian. Sekiranya para pelajar tersebut tidak memahami sesuatu topik pembelajaran, kaedah penerangan melalui panggilan telefon, kiriman audio dan video akan turut dilakukan oleh para guru.

Selain itu, para guru juga akan menjalinkan hubungan dua hala bersama para pelajar serta ibu bapa melalui aplikasi *WhatsApp*, panggilan telefon dan sebagainya demi memastikan keberlangsungan dan keberkesanan kaedah PdP secara atas talian sepanjang para pelajar berada di rumah (PK1, PK4, PK6, PK9 dan PK 13). Kemudian, para guru juga menggunakan teknik *Visual, Auditory, and Kinaesthetic Approach (VAK Approach)* dalam mengajar para pelajar OKU MP (PK 14, PK15, PK16, dan PK17). Alat sokongan seperti *Picture Exchange Communication System (PECS)* sewaktu pembelajaran dijalankan banyak membantu para guru untuk memberikan kefahaman kepada para pelajar akan sesuatu topik yang dipelajari. Para guru akan menunjukkan kad-kad gambar rajah dan akan mengulang proses pembelajaran sehingga mampu difahami oleh para pelajar serta melakukan ulangkaji. Hasil kajian juga mendapati bahawa respons yang diterima oleh para guru daripada para pelajar OKU MP amat positif dan mereka mampu untuk mengikuti PdP secara atas talian meskipun terpaksa melalui cabaran-cabaran tertentu sepanjang proses PdP dijalankan.

Secara keseluruhan, para guru banyak menggunakan pendekatan kaedah mengenal pasti teknik tertentu dan bersesuaian terlebih dahulu sebelum mulakan sesi pembelajaran bersama pelajar OKU MP. Kaedah tersebut perlu diambil bagi memastikan kelancaran proses PdP yang dijalankan secara atas talian sewaktu COVID-19. Disebabkan OKU MP mempunyai masalah tingkah laku dan jenis ketidakupayaan tersendiri, mengenal pasti teknik yang bersesuaian mengikut jenis ketidakupayaan pelajar merupakan langkah awal dan sangat penting bagi mengendalikan PdP secara atas talian bersama OKU MP. Selain daripada kaedah tersebut, kaedah menyediakan soalan mengikut aras, kaedah VAK, dan kaedah yang selari dengan kebolehan dan kefahaman pelajar juga turut digunakan.

**Jadual 5: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam Bagi Pelajar Kurang Upaya Masalah Pembelajaran Sewaktu COVID-19**

No.	Kaedah	Peserta Kajian (PK)
1	Kenal pasti teknik tertentu dan bersesuaian.	PK 4, PK5, PK6, PK9, PK10, PK13, PK15
2	Kaedah yang selari dengan kebolehan dan kefahaman pelajar.	PK1, PK3, PK6, PK7, PK11, PK15
3	Menyediakan soalan mengikut aras	PK2, PK 3, PK5, PK7, PK8, PK 12
4	Menjalinkan hubungan dua hala bersama para pelajar serta ibu bapa	PK1, PK4, PK6, PK9, PK 13
5	Menggunakan Teknik <i>Visual, Auditory, and Kinaesthetic Approach (VAK Approach)</i>	PK 14, PK15, PK16, PK17

Sumber: Hasil Kajian daripada Soal Selidik

## **7. ISU DAN CABARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) PENDIDIKAN ISLAM BAGI PELAJAR OKU MASALAH PEMBELAJARAN SEWAKTU COVID-19**

Berdasarkan kajian soal selidik yang telah dijalankan secara atas talian, terdapat lima (5) cabaran yang dihadapi para guru mahupun pelajar dalam meneruskan PdP Pendidikan Islam sewaktu COVID-19. Cabaran tersebut adalah seperti berikut: -

**Jadual 6: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sewaktu COVID-19**

No.	Cabarani	Peserta Kajian (PK)
1	Kemudahan Teknologi	PK 1, PK2, PK3, PK4, PK6, PK8, PK9, PK11, PK12, PK13, PK14 dan PK15
2	Kemahiran dan Kepakaran Guru	PK1, PK2, PK3, PK5, PK6, PK9, PK11, PK13, PK15 dan PK16
3	Kekurangan Bahan Bantu Mengajar (BBM)	PK 2, PK3, PK4, PK5, PK11, PK12, PK15 dan PK16
4	Komitmen Pelajar	PK2, PK3, PK5, PK7, PK8, PK9, PK10, PK11, PK14, PK16 dan PK17
5	Komitmen Ibu Bapa dan Keluarga	PK1, PK4, PK5, PK8, PK9, dan PK12

Sumber: Hasil Kajian daripada Soal Selidik

### **Kemudahan Teknologi**

Penggunaan alatan teknologi maklumat seperti komputer riba dan telefon pintar amat penting dan diperlukan sepanjang PdP sewaktu COVID-19. Para responden selain PK5, PK7, PK10, PK16 dan PK17 berpendapat bahawa kaedah PdP secara atas talian memerlukan perantaraan teknologi yang lengkap dengan capaian jaringan internet yang mantap bagi memastikan proses PdP yang dijalankan berjalan dengan lancar. Antara masalah yang sering dihadapi oleh para peserta kajian adalah perlu menghadapi sesetengah pelajar OKU MP yang tidak mempunyai kemudahan teknologi yang lengkap di rumah bagi mengikuti kelas secara atas talian. Perkongsian gajet antara adik-beradik pelajar juga menambahkan lagi kesukaran.

Hal ini disebabkan oleh tidak semua pelajar OKU MP mempunyai kemudahan komputer riba mahupun telefon bimbit secara individu. Para peserta kajian juga menyatakan bahawa meskipun para pelajar tersebut mempunyai kemudahan teknologi yang lengkap, mereka kurang mahir untuk mengendalikan teknologi maklumat dan mempunyai masalah jaringan internet yang lemah lebih-lebih lagi yang menetap di kawasan pedalaman. Sesetengah ibu bapa juga sukar untuk

memantau sesi pembelajaran anak istimewa mereka kerana mempunyai pengetahuan yang terhad tentang penggunaan teknologi maklumat. Justeru, perkara ini menambahkan lagi kesukaran para guru untuk melaksanakan kaedah PdP Pendidikan Islam sepanjang tempoh PKP disebabkan COVID-19 ini.

### Kemahiran dan Kepakaran Guru

Menjalankan kaedah PdP Pendidikan Islam secara talian bersama pelajar OKU MP merupakan suatu kaedah yang belum pernah dilakukan oleh para guru Pendidikan Islam sebelum ini. Maka, para guru kurang berpengalaman dalam mengendalikan PdP Pendidikan Islam secara maya sekaligus memberikan impak dan cabaran yang besar buat mereka. Kebanyakan PK selain daripada PK5, PK7, PK8, PK10, PK12, PK14 dan PK17 berpendapat bahawa hal ini disebabkan oleh kekurangan kursus dan bengkel kemahiran PdP yang mengetengahkan kaedah PdP secara talian bagi mengajar pelajar OKU. Hal ini sekaligus menjadikan kekurangan guru pakar dan berkemahiran dalam mengendalikan kelas secara talian suatu cabaran buat para guru untuk meneruskan PdP sewaktu COVID-19.

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa tidak semua guru juga mempunyai kepakaran tertentu dalam mengendalikan kelas bersama pelajar OKU MP dengan menggunakan perantaraan teknologi maklumat. Para guru tidak mempunyai pengalaman mengajar dan mempunyai kemahiran teknologi yang terhad untuk mengendalikan kelas secara talian. Justeru, hal ini telah menyumbang kepada kekurangan guru mahir dan pakar dalam mengendalikan PdP secara talian bersama pelajar OKU MP. Hasil kajian mendapati bahawa, inisiatif yang dilakukan oleh para guru adalah dengan mengkaji terlebih dahulu teknik tertentu dan bersesuaian bagi meneruskan PdP Pendidikan Islam secara maya ini. Perkara ini agak sukar kerana kaedah ini mengambil masa yang lama kerana perlu dipastikan terlebih dahulu sama ada kaedah tersebut berkesan dan diterima baik oleh para pelajar OKU MP atau tidak. Limitasi yang wujud ini serba sedikit mengganggu proses PdP Pendidikan Islam yang perlu dijalankan dalam tempoh COVID-19 ini.

### Kekurangan Bahan Bantu Mengajar (BBM)

PK 2, PK3, PK4, PK5, PK11, PK12, PK15 dan PK16 menyatakan bahawa Bahan Bantu Mengajar (BBM) bagi subjek Pendidikan Islam amat terhad dan memerlukan tempoh penyediaan yang lama. Bahan rujukan Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas sukar didapati di pasaran luar dan para guru perlu menyediakan sendiri BBM PdP Pendidikan Islam bagi pelajar OKU MP menggunakan bahan-bahan sedia ada dan kemahiran mereka masing-masing. Para peserta kajian juga menambah bahawa BBM seperti bahan bertulis, audio dan video sangat terhad dan para guru akan menyediakan sendiri juga bahan rujukan tersebut mengikut kreativiti dan kategori pelajar OKU MP terlebih dahulu agar rujukan tersebut dapat difahami oleh mereka dengan mudah dan jelas.

PK4 berpendapat bahawa tahap kefahaman dan keupayaan pelajar yang pelbagai juga memerlukan teknik penyampaian dan BBM yang sesuai dengan kebolehan para pelajar. Kebanyakan bahan seperti *visual aid* learning dan PECS yang banyak membantu mereka dan para guru mengajar sewaktu proses PdP dijalankan juga hanya terdapat di sekolah. Oleh itu, para pengkaji merumuskan bahawa tiada bahan yang dapat membantu pembelajaran mereka di rumah melainkan BBM yang bersumberkan bahan bertulis, audio dan video yang disediakan sendiri oleh para guru mereka. Kajian juga mendapati bahawa penggunaan bahasa di dalam buku atau rujukan daripada sumber luar terlalu abstrak dan perkataan yang digunakan terlalu tinggi serta di luar kemampuan para pelajar OKU MP. Hal ini sering menambahkan lagi kesukaran terhadap para guru Pendidikan Islam bagi membantu proses PdP mereka sewaktu COVID-19.

## Komitmen Pelajar

Peserta kajian selain daripada PK1, PK4, PK6, PK12, PK13, dan PK15 berpandangan bahawa mengajar pelajar OKU MP dalam Pendidikan Islam memerlukan sepenuh komitmen daripada para pelajar itu sendiri, lebih-lebih lagi PdP yang dijalankan secara atas talian. Permasalahan wujud apabila para pelajar kurang memberikan tumpuan dan fokus sewaktu proses PdP secara atas talian dijalankan. Bahkan, pelajar yang mempunyai tahap kefahaman yang rendah atau pelajar yang tidak boleh membaca amat sukar untuk fokus dan mengikuti kelas secara atas talian. Kadangkala para pelajar bijak mencari peluang untuk mengelak daripada melakukan tugas yang diberikan dan sukar untuk para guru memantau tingkah laku para pelajar disebabkan oleh jarak yang jauh. PK3 juga menyatakan bahawa pelajar tidak mengambil dan menghantar buku atau lembaran kerja di rak khusus pada masa yang ditetapkan oleh guru.

Kemudian, PK16 juga menyatakan bahawa pelajar yang *low functioning* dan mempunyai masalah *behavior issue* pasti mempunyai masalah untuk belajar secara atas talian dan memerlukan komitmen daripada ibu bapa untuk memantau sesi pembelajaran mereka. Manakala pelajar yang *high functioning* dan tidak mempunyai *behavior issue*, mereka boleh belajar dengan baik. Para pengkaji mendapati bahawa permasalahan wujud juga apabila pelajar sendiri tidak menunjukkan minat untuk belajar dan berdisiplin untuk menghadiri kelas yang telah dijadualkan. Pelajar juga tidak dapat melaksanakan amali ibadah dengan betul dan sukar menjalankan aktiviti amali secara maya. Bagi pelajar lembam sebagai contoh, para peserta kajian berpendapat bahawa mereka tahu dan faham namun kurang implementasi di rumah seperti solat dan mengaji. Maka, ilmu atau pembelajaran yang dipelajari tidak dapat diperaktik sebaiknya di rumah dan menyebabkan pelajar sering lupa akan topik yang dipelajari.

## Komitmen Ibu Bapa dan Keluarga

PdP Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas bagi pelajar OKU bukan sahaja meliputi teori pembelajaran semata-mata, bahkan amali dan praktikal juga. Para responden PK1, PK4, PK5, PK8, PK9, dan PK12 menyatakan bahawa pelajar OKU MP memerlukan bimbingan dan sokongan daripada ibu bapa dan keluarga untuk memantau serta membantu PdP secara atas talian yang dijalankan di rumah. Sewaktu melaksanakan simulasi pembelajaran, pelajar sukar untuk membuat demonstrasi atau tunjuk ajar cara solat dan wuduk dengan betul tanpa bimbingan guru sepenuhnya. Justeru, bantuan daripada ahli keluarga amat penting bagi memastikan keberkesanan ilmu yang diperolehi serta pelajar faham akan input yang disampaikan oleh para guru mereka.

Para pelajar juga tidak akan mampu menerima dan memahami ke semua topik pembelajaran tersebut melainkan para pelajar menjadikan pendidikan itu sebagai rutin dan amalan dalam kehidupan harian mereka dibantu dengan pertolongan serta sokongan daripada ahli keluarga mereka. Kajian mendapati bahawakekangan komitmen daripada ibu bapa mahupun ahli keluarga seperti komitmen bekerja dan lain-lain perkara menyebabkan mereka mempunyai masa yang terhad untuk memantau sesi pembelajaran tersebut. Mereka juga kadangkala kurang mahir untuk membantu anak-anak mereka dalam sesi pembelajaran secara atas talian di rumah apatah lagi melalui pengantaraan penggunaan teknologi maklumat.

Secara kesimpulan, kekurangan kemudahan teknologi seperti komputer riba, telefon bimbit dan lain-lain alatan teknologi serta capaian internet yang lemah merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh para guru bagi meneruskan PdP Pendidikan Islam sewaktu COVID-19. Para guru dan pelajar OKU MP masing-masing mempunyai kekangan dan kemahiran yang terhad dalam menggunakan teknologi maklumat. Tidak mempunyai pengalaman dan kepakaran menjalankan PdP secara atas talian bersama pelajar OKU MP menambahkan lagi kesukaran para guru. Selain

sukar untuk mendapatkan BBM yang dapat membantu proses PdP dan rujukan para pelajar, komitmen para pelajar OKU MB dan ibu bapa juga turut menjadi cabaran sewaktu meneruskan PdP Pendidikan Islam sewaktu COVID-19.

## 8. PENUTUP

Tidak dinafikan bahawa KPM mahupun pihak bertanggungjawab telah memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu institusi Pendidikan di Malaysia melewati fasa yang getir ini dengan memberikan cadangan kaedah yang terbaik bagi meneruskan PdP sewaktu COVID-19. Walau bagaimanapun, kaedah tersebut wajar diperhalusi dengan memberikan penekanan terhadap kaedah yang sesuai bagi PdP Pelajar OKU Masalah Pembelajaran dan pelajar OKU yang lain secara umumnya lebih-lebih lagi bagi PdP Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas.

Kajian ini mendapati bahawa teknik atau kaedah yang digunakan oleh para guru Pendidikan Islam bagi meneruskan PdP Pendidikan Islam bersama para pelajar OKU MP sewaktu COVID-19 adalah dengan mengenal pasti terlebih dahulu teknik yang bersesuaian dan wajar digunakan sebelum memulakan sesi PdP secara atas talian. Kaedah ini penting kerana OKU MP mempunyai tahap kebolehan dan kefahaman yang berbeza bergantung kepada jenis ketidakupayaan mereka. Manakala, masalah kemudahan teknologi merupakan cabaran yang utama bagi para guru dalam mengendalikan kelas secara atas talian. Malahan, PdP tidak dapat dijalankan sekiranya para pelajar OKU MP tidak mempunyai alatan teknologi yang lengkap dan jaringan internet yang mantap. Oleh itu, perkara ini harus diberikan lebih perhatian dan solusi yang mampu membantu mereka meneruskan PdP sewaktu COVID-19 dengan baik.

Pengkaji juga mencadangkan keperluan kepada garis panduan khas bagi kaedah PdP Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas disediakan oleh pihak KPM agar kaedah khusus dapat digunakan bagi membantu para guru dalam mengajar para OKU MP sewaktu COVID-19. Meskipun demikian, platform serta kemudahan atas talian yang sedia ada banyak memberi manfaat dan kebaikan bagi para guru dan para pelajar OKU dalam meneruskan pembelajaran sewaktu COVID-19. Namun, tindakan yang kreatif dan inovatif wajar diambil oleh para guru dalam meneliti pedagogi pembelajaran yang digunakan agar seiring dengan kaedah pembelajaran kini. Maka, kaedah PdP yang dijalankan pasti akan lebih berkesan dan PdP Pendidikan Islam dalam Pendidikan khas bagi pelajar OKU secara umumnya dapat dijalankan dengan baik dan terancang.

## 9. PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan di bawah Geran Penyelidikan Dalam USIM dengan tajuk Pembangunan Modul Fiqh Orang Kurang Upaya (OKU) Di Malaysia, Kod Penyelidikan: PPPI/FSU/0217/051000/11218. Ketua penyelidik juga merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

## RUJUKAN

Abdullah, M. (2020, Mei 9). *Blogger.com*. Retrieved Disember 12, 2020, from "Orang Kelainan Upaya atau Orang Kurang Upaya?": <http://abihulwa.blogspot.com/2012/08/isu-bahasa-orang-kelainan-upaya-atau.html>

Azman Ab Rahman, N. N. (2020). Cadangan Keberkesanan Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dan Institusi Pendidikan Sewaktu COVID-19. *The 3rd International Conference of the Postgraduate*

*Students and Academics in Syariah and Law 2020 (INPAC 2020)* (pp. 252-260). Nilai: Penerbit USIM.

Azman Ab Rahman, N. N. (2020). Isu Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dan Institusi Pendidikan Sewaktu COVID-19. *International Seminar on Islam and Science 2020 (SAIS 2020)* (p. 373). Nilai: Penerbit USIM.

Hamdi Bin Ishak, A. H. (2012). Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 11-24.

JKM. (2016). "PWDs Categories". Retrieved June 5, 2020, from Jabatan Kebajikan Masyarakat: <https://pramudyarifin.wordpress.com/2010/08/30/antropologi-zakat-system-of-giving-dalam-islam/>

KPM. (2019). *Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas*. Retrieved from Kementerian Pendidikan Malaysia: <https://www.moe.gov.my/pendidikan/khas/pendidikan-islam-dalam-pendidikan-khas/pengetahuan>

KPM. (2020). *Buku Data Pendidikan Khas*. Retrieved from Kementerian Pendidikan Malaysia : <https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/pendidikan-khas/buku-data-pendidikan-khas/3993-buku-data-pendidikan-khas-tahun-2020/file>

Sulaiman, R. (2008, April 28). "Faktor-faktor Pendorong Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Bekerja di JARO, (Johor Area Rehabilitation Organization)". Retrieved June 20, 2020, from Rosmawati Sulaiman: <http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkgdfwP/ROSMAWATIBP050157D2008TP.pdf>

Wan Sabri Wan Husin, M. Z. (2013). "Model Pembangunan Institusi Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa". *The 3rd Annual International Quranic Conference*. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research (CQR), Universiti Malaya.

WHO. (2020). *CORONAVIRUS*. Retrieved December 20, 2020, from World Health Organization: [https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab\\_1](https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab_1)